

**UCAPAN**

**PROGRAM KE ARAH PERKHIDMATAN CEMERLANG  
DAN CINTAILAH NEGARA KITA**

**UCAPAN OLEH:**

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI MOHD NAJIB TUN RAZAK  
PERDANA MENTERI**

**04 JULAI 2011**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum WBT dan Salam 1Malaysia.**

**Yang Berhormat Menteri-Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha Negara, warga Jabatan Perdana Menteri Tuan-Tuan, Puan-Puan, Saudara-Saudari yang saya hormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, dalam tempoh masa enam bulan pada tahun ini, kita telah dapat melaksanakan agenda yang telah ditetapkan oleh negara kita dengan baik. Kebanyakan ketetapan yang telah dibuat berdasarkan kepada program GTP dan ETP Kerajaan berjalan dengan lancar, seperti jumlah pelaburan yang telah diumumkan Kerajaan Negeri sebanyak RM170 bilion dan jumlah pekerjaan melebihi 35,000 yang dijangka dapat dijana melalui pelaburan.
  
2. Kita juga sedang dan akan terus melakukan usaha-usaha untuk meringankan beban rakyat seperti rangkaian Kedai Runcit 1Malaysia, yang mana kita akan laksanakan di seluruh negara. Pada hari ini, saya akan melancarkan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia yang juga merupakan satu dasar baru di mana kita akan menentukan bekalan rumah yang berkualiti dengan harga yang amat berpatutan.
  
3. Semuanya ini adalah bertujuan untuk menentukan perubahan dan transformasi yang besar kepada negara kita berdasarkan kepada unjuran untuk mencapai wawasan nasional. Kita juga berusaha supaya rakyat tidak berasa terbeban dan mereka dapat merasakan

taraf hidup dan kualiti hidup mereka akan terus ditingkatkan dari semasa ke semasa.

4. Jika kita mengimbau kembali, terdapat beberapa asas kejayaan negara Malaysia selain daripada agenda-agenda tertentu yang kita tentukan dari semasa ke semasa. Terdapat beberapa sendi utama negara yang mana elok juga direnungi asas-asas yang telah menyebabkan negara kita ini berjaya, membangun dan melakukan transformasi daripada sebuah negara pertanian kepada negara berpendapatan tinggi sederhana dan InsyaAllah dalam masa 10 tahun lagi akan menjadi negara maju.

5. Sendi yang pertama atau asas yang pertama ialah keharmonian perhubungan kaum berdasarkan prinsip kesederhanaan (*moderation*) dan meraikan kepelbagaian (*diversity*). Kini kita faham bahawa perpaduan nasional merupakan salah satu asas sendi negara kita. Yang kedua ialah kestabilan politik berdasarkan kepada sistem demokrasi berparlimen dan Raja berpelembagaan. Kestabilan politik negara kita tidak pernah disangkal. Malah ramai yang menyatakan bahawa ini adalah salah satu sebab mengapa mereka melabur di Malaysia. Mereka yakin dengan masa depan Malaysia kerana kita dapat menentukan kestabilan politik berdasarkan kepada sistem yang kita mula pakai sejak negara merdeka.

6. Yang ketiga ialah sistem pasaran terbuka. Sejak awal lagi kita tidak memilih satu sistem yang berdasarkan kepada perancangan penstrukturran seperti ala sosialis. Di samping itu, kita tidak memilih sistem *free market* dalam erti kata tidak ada intervensi Kerajaan sama sekali. Kita pilih sistem *free market economy* dengan peranan sektor swasta yang diutamakan tetapi ada campur tangan Kerajaan untuk memastikan kita dapat menegakkan prinsip keadilan sosial.

7. Yang keempat ialah kita meletakkan keadilan negara dan undang-undang negara di tempat yang tertinggi. Ini salah satu asas negara kita di mana kita tidak mempersoalkan peruntukan-peruntukan bersama dalam perlembagaan kerana ini merupakan salah satu daripada tiang seri kepada negara kita. Kita juga tahu bahawa *the rule of law*, menghormati undang-undang adalah satu prinsip yang amat penting yang kita anuti kerana jika tidak ada *the rule of law* akan berlaku keadaan yang tidak menentu malah keadaan huru-hara boleh berlaku di negara kita.

8. Yang kelima adalah kerana kita mempunyai kepastian dasar. Dasar yang kita rancangkan untuk tempoh masa, jangka masa yang agak panjang, *long term planning*. Kita bangga sejak dahulu lagi kita mempunyai *long term planning*. Dasar-dasar yang menjangkau waktu-waktu yang panjang bukanlah dibuat secara *ad hoc* sahaja dan sebagainya.

9. Jadi, kelima-lima ini telah membawa negara kita kepada keadaan yang kita lihat hari ini. Janganlah kita membuat sesuatu yang boleh merosak atau menghancurkan apa yang telah kita bina selama ini. Demonstrasi jalanan bukan jawapannya. Jika ada apa-apa isu, isu itu boleh ditangani. Misalnya, jika ada pihak yang tidak berpuas hati kononnya sistem pilihan raya dalam negara kita tidak menjamin pilihan raya yang bebas dan adil, kita boleh jawab bahawa, jika tidak adil, bagaimana kita boleh kalah lima buah negeri dalam pilihan raya 2008. Jika kita sanggup untuk mengkaji, melakukan penambahbaikan misalnya SPR memaklumkan mereka ingin membuat sistem biometrik. Ini juga boleh menjawab pihak yang berkata terdapat pengundi hantu dalam senarai tetapi yang anehnya, apabila sudah menang, senyap sepi, tiada cerita pengundi hantu lagi. Namun, apabila pilihan raya semakin hampir, timbul semula isu ini.

10. Ini semua sebenarnya bukan bertujuan untuk memperbetulkan sistem yang ada, tetapi motifnya adalah politik. Motifnya adalah untuk mendapatkan kuasa melalui cara yang tidak demokratik, melalui demonstrasi jalanan dan jika keadaan ini berlaku, ramai orang akan tumpang semangkuk. Tidak ada jaminan bahawa segala-galanya boleh berlaku dengan aman. Jika ada orang yang suka pada rusuhan dan kekacauan, ia akan tumpang sekaki dan akan berlakulah keadaan yang kita hendak elakkan. Kita mesti beringat perkara ini sebelum ia terlambat. Janganlah kita buat sesuatu dalam keadaan emosi atau sebagainya yang sebenarnya boleh dilakukan dengan pendekatan

yang lain. Jika mereka mahu mengemukakan memorandum dan sebagainya, pakat baik-baik dengan pihak berkuasa.

11. Kita sanggup sediakan stadium untuk mereka berkumpul tetapi mereka tidak mahu, sebaliknya memilih demonstrasi jalanan dan ini semestinya ada nawaitu yang lain. Jika mereka dari awal memberitahu bahawa mereka hendak berkumpul, dari pagi sampai malam di sebuah stadium dan kemudian balik dengan baik, saya percaya pihak Kerajaan tidak mempunyai apa-apa halangan. Berkumpul di stadium, bertempiklah sampai tak larat, buatlah, tak jadi masalah tetapi jangan buat demonstrasi jalanan kerana ia boleh mengundang risiko yang amat berbahaya kepada negara kita.

12. Seri Paduka Baginda telah pun menitahkan, nasihatnya semalam dan hari ini kita dapat baca bahawa Tuanku amat khuatir, amat bimbang bahawa sesuatu yang jauh lebih buruk akan berlaku. Ini nasihat daripada Yang di-Pertuan Agong, Raja berperlembagaan kepada rakyat. Saya berharap ini semua membuat kita untuk beringat, menegah bahawa tanggungjawab kita adalah untuk menjaga masa depan negara. Jagalah masa depan anak-anak kita, jagalah kelangsungan Malaysia negara kita yang tercinta.

Sekian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.